

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini menyatakan kesimpulan hasil daripada dapatan kajian dan beberapa cadangan bagi mengembangkan lagi kajian ini.

5.1 Kesimpulan

Kajian mengenai pembentukan kata bahasa Arab menerusi i‘la:l dan ibda:l amat bermakna dan telah menambahkan ilmu pengetahuan mengenainya dengan lebih mendalam.

Hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan, penulis telah menemui satu cara untuk memahami konsep serta kaedah i‘la:l dan ibda:l ialah dengan mempelajari terlebih dahulu ilmu fonetik, fonologi, morfologi dan seterusnya morfonologi. Sesungguhnya dengan ilmu pengetahuan yang tinggi bagi kesemua bidang ini, nescaya kita dapat memahami konsep serta kaedah i‘la:l dan ibda:l dengan mudah.

Berdasarkan kajian yang dijalankan penulis dapati huruf yang terlibat dalam proses i‘la:l ialah terdiri daripada huruf ‘illaṭ dan huruf hamzaṭ. Huruf ‘illaṭ digunakan secara meluas dan mengalami banyak perubahan dalam pembentukan kata bahasa Arab. Dalam keadaan baris mati huruf-huruf ini

mestilah didahului oleh baris yang serasi dengannya. Baris yang dimaksudkan ialah baris atas sebelum alif, baris bawah sebelum ya:’ dan baris depan sebelum wa:w.

Manakala penglibatan huruf hamzat dalam proses i’la:l adalah sesuatu yang boleh diterima kerana ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan ketiga-tiga huruf ‘illat.

Proses i’la:l mencakupi penukaran, pengguguran dan pemindahan baris huruf ‘illat. Terdapat beberapa syarat untuk membentuk perkataan yang mengalami proses i’la:l iaitu semasa penukaran wa:w dan ya:’ kepada alif, penukaran wa:w kepada ya:’, pengguguran fa:’ kata kerja mitha:l dan semasa pemindahan baris huruf ‘illat.

Terdapat lapan keadaan penukaran yang berlaku di antara huruf ‘illat dengan huruf ‘illat, huruf ‘illat dengan huruf hamzat atau sebaliknya penukaran huruf hamzat dengan huruf ‘illat.

Pengguguran huruf ‘illat membahaskan pengguguran yang berlaku semasa membentuk kata kerja atas pola (أَفْعَل) , fa:’ kata kerja mitha:l dan ‘ayn kata kerja ajwaf.

Manakala proses pemindahan baris huruf ‘illat melibatkan kata kerja ajwaf, kata nama yang sama dengan kata kerja kala kini, maṣḍar atas pola (إِفْعَال) atau (اسْتِفْعَال) dan kata nama objek bagi kata kerja thula:thiyy ajwaf.

Proses ibda:l dalam kajian ini melibatkan penggantian huruf ‘illat dengan huruf ṣaḥi:h dan huruf ṣaḥi:h dengan huruf ṣaḥi:h. Perbahasan ini lebih tertumpu kepada pola (افتعل) yang mengandungi huruf ṣa:d, ḍa:d, ṭa:’, da:l, dhal dan za:y. Setiap penggantian huruf yang berlaku berkait rapat dengan sifat dan makhraj yang sesuai iaitu semua huruf tadi bersifat majhu:r menggantikan ta:’ yang bersifat mahmu:s. Perbezaan huruf pada makhraj dan sifat menyukarkan kita menyebut sesuatu perkataan. Jadi kita perlu memilih huruf yang sesuai dari segi makhraj dan sifat agar organ pertuturan kita mudah mengungkapkan sesuatu perkataan yang dihasilkan.

Hasil dapatan kajian ini dapat membantu semua pihak yang mempelajari bahasa Arab untuk dijadikan rujukan tambahan bagi memahami konsep i‘la:l dan ibda:l.

Oleh itu, dapatlah kita ketahui bahawa setiap perubahan yang berlaku mempunyai sebab yang tertentu dan mempunyai kaedah yang perlu dipelajari dan ketahui dengan lebih terperinci.

5.2 Cadangan

Penulis merasakan bahawa kajian berkaitan i‘la:l dan ibda:l penting bagi menjelaskan kepada mereka yang mempelajari bahasa Arab terutama kepada pelajar dan mahasiswa yang sedang mempelajarinya.

Kajian ini telah dijalankan secara umum bagaimana mengenali i‘la:l dan ibda:l. Oleh itu, penulis menyarankan agar ada pengkaji yang akan mengkaji tajuk ini secara khusus dengan memfokuskan kepada satu derivasi sahaja. Contohnya kata kerja mu‘tal dalam surah tertentu atau pun kata nama mu‘tal dan sebagainya.

Bagi memantapkan lagi pemahaman mengenai i‘la:l dan ibda:l kita perlu mempelajari terlebih dahulu tajuk-tajuk utama dalam ilmu morfologi seperti derivasi dalam bahasa Arab dan sebagainya.

Para pendidik mestilah melatih pelajarinya menghafal kata akar dan kata terbitan sesuatu perkataan supaya pembelajaran mengenai i‘la:l mudah difahami dan mereka dapat mengetahui bentuk-bentuk lain dalam pembentukan kata bahasa Arab.

Setiap pengguna bahasa Arab juga perlu mendalami ilmu tajwid untuk mengetahui huruf-huruf dalam bahasa Arab, makhraj serta sifat-sifatnya. Ini memudahkan pengguna bahasa Arab memahami ibda:l.

Bahan bacaan dan rujukan yang mudah difahami perlulah diperbanyakkan. Oleh itu penulisan mengenai i‘la:l dan ibda:l dalam bahasa Melayu mesti diketengahkan bagi memudahkan murid-murid memahaminya dan juga sebagai rujukan kepada para pendidik.

Penulisan berkaitan i'la:l dan ibda:l mesti dikembangkan lagi dengan bahan yang lebih menarik dan mudah difahami untuk semua peringkat.

5.3 Penutup

Disertasi ini diakhiri dengan menegaskan bahawa penyelidikan yang melibatkan pembentukan kata bahasa Arab yang melibatkan proses i'la:l dan ibda:l bukanlah sesuatu yang mudah. Kajian demi kajian dijalankan bagi menentukan konsep serta kaedah yang dikemukakan adalah tepat. Walaupun ralat masih wujud, ia bukanlah satu halangan, malahan membina dorongan yang besar agar penyelidikan ini diteruskan ke tahap yang lebih tinggi serta membuahkan hasil penyelidikan yang lebih membanggakan dan boleh dimanfaatkan bersama, khusus pelajar bahasa Arab.